



## **TEKS UCAPAN**

**YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PENUTUP  
KONVENSYEN PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN**

**11 DISEMBER 2018  
DEWAN PERDANA, PICC  
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang saya muliakan,

Yang Berhormat Mulia,

Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni

Raja Ahmad Baharuddin Shah,

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

Yang Berusaha Tuan Haji Zamri bin Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Bahagia, Dato' Noor-Ihsan bin Haji Che Mat

Ketua Pengarah

Jabatan Kerajaan Tempatan

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

Barisan Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis, Setiausaha

dan Ahli-ahli Majlis dari semua PBT

Wakil-wakil Media

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-

Puan yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam Sayang Malaysiaku.**

## **PENGHARGAAN**

1. Marilah kita sama–sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, maka dapat kita berkumpul pada hari ini dalam Majlis Penutup Konvensyen Perneriksaan Pihak Berkuasa Tempatan 2018 anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan usahasama pelbagai rakan strategik yang lain.
2. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur serta rakan–rakan strategik yang telah bersama–sama berganding bahu bagi memastikan konvensyen ini terlaksana dengan jayanya. Usaha sama yang sedemikian dan semangat kesepakatan yang terjalin sesungguhnya wajar diteruskan dan dipupuk menjadi budaya serta landasan kecemerlangan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.

3. Konvensyen ini merupakan satu platform yang memberi peluang kepada semua peserta berkongsi pengalaman serta berbincang untuk mencari pendekatan penyelesaian yang inovatif dan kreatif bagi isu-isu yang melibatkan pengurusan dan tanggungjawab PBT.
  
4. Saya amat gembira sekali konvensyen tahun ini telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Kita telah mendaftarkan kehadiran lebih kurang **2300** orang peserta dengan perkongsian ilmu dari **18** orang pembentang dari dalam dan luar Negara. Konvensyen ini juga telah mengumpulkan sebanyak **26** bilangan pempamer dari pelbagai sektor yang turut berkongsi produk masing-masing. Jutaan terima kasih dan syabas saya ucapkan kepada para hadirin kerana telah meluangkan masa dan mengambil peluang untuk mendalami ilmu, meluaskan pandangan serta menjalin jaringan persahabatan di konvensyan ini.

## **PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN**

Para hadirin sekalian,

5. KPKT akan terus mengkaji kebolehpayaan dan kesesuaian untuk mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan dalam tempoh 3 tahun akan datang. Beberapa dasar dan akta berkaitan dengan kerajaan tempatan perlu dikaji semula dan diperhalusi. Inisiatif ini harus diteliti dalam usaha untuk mentransformasikan kerajaan tempatan supaya lebih efektif, efisien dan telus. Saya yakin pilihan raya kerajaan tempatan akan memberi manfaat kepada rakyat kerana masyarakat akan berpeluang memilih sendiri pemimpin yang mereka percayai.

## **PEMERKASAAN PBT**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. PBT merupakan kerajaan tempatan yang paling dekat dengan rakyat di mana pelbagai urusan harian melibatkan kesejahteraan hidup mereka dipertanggungjawabkan ke atas PBT.

7. Kecekapan PBT penting bagi memastikan keperluan rakyat dapat dipenuhi. Kerjasama erat PBT bersama Kerajaan Negeri, agensi persekutuan, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan penglibatan aktif rakyat setempat pastinya akan mengubah landskap perkhidmatan dan menjanjikan suasana persekitaran yang lebih kondusif untuk kehidupan di bandar masa akan datang.
8. Bagi tujuan ini pemerkasaan PBT perlu diberi keutamaan. PBT perlu ditransformasikan bagi mengukuhkan keupayaan organisasi PBT dalam memberi perkhidmatan yang memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyat.
9. Pemerkasaan melalui pembangunan modal insan akan menghasilkan warga PBT yang cekap dan dinamik dan mampu menawarkan perkhidmatan yang terbaik. Rakyat akan merasai kepuasan dan akan terus memberi kepercayaan serta sokongan kepada PBT.
10. PBT harus terus memperkasakan budaya kerja cemerlang dengan menilai semula proses dan prosedur kerja sedia ada

bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan. Usaha ke arah mengautomasikan sistem-sistem di PBT harus dikaji untuk meningkatkan efisiensi perkhidmatan. Selain daripada itu PBT harus merangsang inovasi baharu, meningkatkan tahap penguatkuasaan dan menyediakan sistem pemantauan dan penilaian kerja yang realistik.

11. Sebagai kerajaan di peringkat tempatan, kedudukan kewangan yang kukuh merupakan prasyarat bagi membolehkan PBT merancang pembangunan dan menyelenggara kemudahan fasiliti dengan memuaskan. PBT harus lebih inovatif dalam memperluaskan sumber kewangan sedia ada dengan membangunkan inisiatif yang berpotensi memberikan pulangan hasil yang baik.

### **BANDAR KITA, MILIK KITA**

Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin sekalian,

12. PBT boleh memainkan peranan untuk menyemai rasa kepunyaan dan kebanggaan rakyat terhadap bandar dan PBT mereka. PBT harus berusaha untuk menggembeng

penglibatan rakyat dalam program-programnya. PBT harus berusaha untuk mendengar suara rakyat, memberi perkhidmatan yang menggembirakan rakyat, meningkatkan hubungan mesra dengan rakyat dan memberi perhatian khusus kepada mereka dengan memberikan pengiktirafan dan penghargaan atas keterlibatan dalam program-program anjuran PBT.

13. Bagi menggalakkan komunikasi berkesan, PBT disaran memperkenalkan mekanisme komunikasi PBT-Rakyat melalui pelbagai platform yang mudah seperti media sosial yang mendapat perhatian ramai rakyat di peringkat komuniti. Seterusnya penubuhan unit media dan radio PBT untuk menyediakan platform bagi memudahkan urusan komunikasi. Kolaborasi strategik bersama media akan memudahkan saluran maklumat dan mempercepatkan sebaran.



## **BUDAYA INTEGRITI**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Sesebuah organisasi akan terus maju dan dinamik apabila anggotanya sentiasa berusaha meningkatkan daya saing organisasi tersebut dengan nilai-nilai murni, sistem kerja yang efisien serta hala tuju yang jelas.
  
15. Justeru amalan integriti merupakan intipati utama dan wajib menjadi pegangan setiap Ahli Majlis bagi memastikan pelaksanaan tugas dilaksanakan sepertimana dikehendaki oleh PBT.
  
16. Kerajaan tempatan adalah kerajaan yang berada paling dekat dengan rakyat, tuan-tuan dan puan-puan adalah barisan hadapan yang sentiasa dalam pengamatan dan penilaian rakyat dari segi profesionalisme dan integriti. Oleh itu budayakan amalan profesionalisme dan integriti dalam PBT masing-masing. Agenda rakyat perlu diberi keutamaan kerana PBT wujud tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mentadbir urusan rakyat.

## KECEKAPAN TADBIR URUS

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

17. Prinsip *the government of the day* dan *the rules of law* perlu sentiasa dipatuhi. Justeru, dasar dan arahan kerajaan yang memberi impak tinggi kepada rakyat perlulah diterjemah dalam bentuk pelaksanaan oleh pentadbir dengan sebaik-baiknya.

18. KPKT sangat prihatin dan memberi penekanan kepada tadbir urus yang baik dan cekap. Ianya bukan hanya sekadar membuat keputusan yang betul tetapi lebih kepada memastikan amalan proses yang betul dalam membuat keputusan yang tepat. Tadbir urus yang baik mengamalkan ketelusan, pematuhan kepada *the rule of law*, responsif, inklusif dan lain-lain. Ianya bertujuan untuk membangunkan keyakinan komuniti terhadap PBT yang akan menyumbang kepada pencapaian keputusan yang lebih tepat serta membantu PBT dalam menyempurnakan tanggungjawab legislatifnya.

19. Sistem dan amalan tadbir urus di PBT perlu diperkemaskan.

PBT perlu terus merekayasa sistem dan proses kerja bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus.

### **REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT (IR 4.0)**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) bakal menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan pembangunan ke arah pendigitalan yang holistik. Ianya dijangka tidak hanya meningkatkan produktiviti, malah bakal menjadikan kos lebih rendah dan hasil melonjak berlipat ganda.

21. Industri 4.0 akan memodenkan semua sektor di Malaysia yang menjurus ke arah pendigitalan sejajar dengan keperluan semasa. PBT seharusnya berubah ke arah ini. Kita tidak mahu ketinggalan dalam pendigitalan dari segi ekonomi, sosial dan pembangunan.

22. Dalam menyambut aspirasi kerajaan, semalam di majlis perasmian konvensyen ini, KPKT telah melancarkan

**i-Tegur** yang mana ianya merupakan Aplikasi Aduan yang boleh dimuat turun ke telefon pintar secara percuma oleh orang awam bagi membuat sebarang aduan kepada PBT.

23. Aplikasi ini mampu menerima aduan bergambar berserta lokasi dan seterusnya mengemukakan kembali maklumbalas kepada pengadu dengan lebih responsif dan efektif. Tindakan ke atas aduan adalah lebih pantas memandangkan aduan akan terus disalurkan kepada pihak yang bertanggungjawab secara atas talian. Melalui aplikasi ini pemantauan statistik aduan boleh dilaksanakan dengan efisien.

24. KPKT juga sedang menambahbaik platform OSC 3.0 bagi penyerahan permohonan dan memproses permohonan untuk kawalan pemajuan. Ianya juga merupakan satu platform elektronik untuk mendapatkan maklumat dan berkomunikasi secara dua hala untuk maklumat-maklumat berkenaan kawalan pemajuan. Melalui platform ini urusan-urusan adalah lebih mudah, cepat dan efisien.

25. KPKT mengalu-alukan dan menggalakkan setiap PBT untuk mesra IT dalam urusan operasi PBT. Inisiatif ini akan memberi ruang kepada rakyat untuk lebih senang dan mudah mendekati PBT.

## **PENUTUP**

Sidang hadirin yang saya muliakan,

26. Semoga konvensyen pada kali ini telah dapat memberi harapan dan suntikan semangat kepada semua PBT supaya lebih gigih berusaha untuk terus menyumbang tenaga dan buah fikiran bagi memacu pembangunan Malaysia ke arah mencapai status negara maju kelak.

27. Berikan tumpuan dan fokus untuk bergerak ke hadapan bagi mentransformasikan diri untuk menjadi warga PBT yang unggul dalam menerajui pembangunan lestari dan berinovasi. Sama-samalah kita berganding bahu untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh semangat, berintegriti, berkebolehan, setia, dan ikhlas.

**Indah sekali pokok bonsai,  
Rimbun sekata menambah seri;  
Konvensyen kita sudah selesai,  
Segeralah bertindak perkasakan diri.**

28. Akhir kata, saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada pihak Jawatankuasa Penganjur yang telah memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam usaha menganjurkan Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun ini.

29. Setinggi–tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua peserta, penceramah dan moderator, rakan-rakan strategik, pempamer dan semua pihak yang telah turut terlibat sama serta memberikan kerjasama yang erat ke arah bersama–sama menjayakan penganjuran konvensyen pada kali ini. Semoga usaha kita diberkati dan dirahmatiNya. Saya doakan perjalanan pulang yang lancar bagi semua dan semoga kita semua selamat sampai ke destinasi masing-masing.

30. Maka dengan lafaz kalimah yang mulia, Bismillahir  
Rahmanir Rahim, saya dengan ini secara rasminya menutup  
Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan  
2018.

Sekian, wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.